



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
KHAMIS 31 DISEMBER 2020**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1. 2.	TERENGGANU HASILKAN 100 TAN METRIK IKAN AIR TAWAR SETAHUN, YB KITA, HARAKAH -H26 'PERBANYAK PROJEK TERNAKAN LEMBU ELAK DAGING IMPORT', NASIONAL, BH -3	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN (MAFI)
3. 4. 5. 6. 7. 8. 9. 10. 11. 12. 13. 14. 15. 16. 17.	WANITA DITAHAN PUKUL KUCING BUNTING SAMPAI MATI, NEGARA, KOSMO -9 JANGANLAH BERTINDAK KEJAM DAN MENZALIMI KUCING JALANAN, SUARA SINAR, SH -16 PUKUL KUCING BUNTING SAMPAI MATI, NEGERI PERAK/JOHOR/P.PINANG, SH -27 DAGING ALLANA HALAL, DIMILIKI KELUARGA MUSLIM SEJAK 1969, NEGARA, KOSMO -6 SABAH OK BAH, LOKAL, HM -10 SUAMI ISTERI DIDAKWA GUNA LOGO HALAL TANPA PERAKUAN, LOKAL, HM -10 JIKA WASWAS, JANGAN MAKAN, LOKAL, HM -11 PAMER SIJIL HALAL JAKIM ELAK PENGGUNA KELIRU, LOKAL, HM -11 SABAH PANTAU 9 SYARIKAT IMPORT DAGING, SINDIKET PENYELUDUPAN DAGING SEJUK BEKU, SH -3 SYARIKAT PENGEKSPOT INDIA SAHKAN TIGA JENAMA DAGINGNYA DIJAMIN HALAL, SINDIKET PENYELUDUPAN DAGING SEJUK BEKU, SH -4 NAFAS JIJIK, MUKA DEPAN, HM -1 'BAU BUSUK MERESAP KE DALAM PAKAIAN', LAPORAN KHAS, HM -2 ANCAMAN DARI KAMPUNG SELAMAT, LAPORAN KHAS, HM -3 'LEPAS SEMBELIH BUANG SISA KE SUNGAI, LAPORAN KHAS, HM -3 PENDUDUK MAHU SPRM SIASAT, JAGA SUNGAI KITA, BH -20	JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (JPV)
18.	13 GUNI ANAK KERANG BERNILAI RM26,000 DISITA, NEGERI, SH -26	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
19. 20. 21. 22. 23. 24.	KERAJAAN PERTIMBANG TUBUH RCI, NASIONAL, HARAKAH -H6 PAS DESAK PENJELASAN MAQIS, ISU DAGING KARTEL, HARAKAH -H3 KARTEL SELUDUP DAGING SEJUK BEKU TIDAK HALAL TUMPAS, JENAYAH, SH -20 UTAMA DAGING TEMPATAN MAMPU 'HAPUS' KARTEL, KOMENTAR, BH -11 ISU DAGING IMPORT HARAM BELENGGU PENGGUNA ISLAM, ISU DAGING KARTEL, HARAKAH -H8 KERAJAAN CARI KAEDAH KURANG DAGING IMPORT, KELANTAN, HARAKAH -H11	JABATAN PERKHIDMATAN KUARANTIN DAN PEMERIKSAAN MALAYSIA (MAQIS)
25.	NANAS COBEK BERI PULANGAN BERLIPAT GANDA, KELANTAN, HARAKAH -H12	LEMBAGA PERINDUSTRIAN NANAS MALAYSIA (LPNM)
26. 27. 28.	MARDI HASILKAN TIGA PRODUK INOVASI MAKANAN BAHARU, NEGERI, SH -29 DEPUTY AGRICULTURE MINISTER: NEED TO STRENGTHEN THE LOCAL CATTLE INDUSTRY, NATIONAL, NANYANG SIANG PAU -A3 MARDI LAHIR 530 USAHAWAN TANI BERJAYA, HARAKAH DAILY -ONLINE	INSTITUT KEMAJUAN DAN PENYELIDIKAN PERTANIAN MALAYSIA (MARDI)
29.	PESAWAH MAKIN RESAH, GUSAR, RENCANA, UM -14	BAHAGIAN INDUSTRI PADI DAN BERAS (IPB)
30. 31. 32.	PENDAPATAN PESAWAH TERJEJAS AKIBAT POTONGAN TINGGI, DALAM NEGERI, UM -4 TINGKAT INDUSTRI PENTERNAKAN NEGARA, NASIONAL, HARAKAH -H20 LATAS BANTU PENTERNAK IKAN DALAM SANGKAR, KEDAH, HARAKAH -H17	KAWASAN PEMBANGUNAN PERTANIAN BERSEPADU (IADA)

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

31/12/2020

HARAKAH

YB KITA

H26

Terengganu hasilkan 100 tan metrik ikan air tawar setahun

KUALA TERENGGANU:

Pada tahun 2019, jumlah penternak akuakultur yang berdaftar dengan Jabatan Perikanan Malaysia di Terengganu adalah seramai 858 orang.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan II, Dato' Che Abdullah Mat Nawi berkata, daripada jumlah itu terdapat 579 orang penternak yang melibatkan diri dalam pengeluaran sebagai ikan makan.

Menurutnya, pengeluaran akuakultur pada tahun 2019 bagi ikan makanan (food fish) adalah sebanyak 4,468.78 tan metrik dengan nilai sebanyak RM68 juta.

"Manakala pengeluaran benih ikan dan ikan binaan pula adalah sebanyak 397 juta ekor dengan nilai RM50 juta dan 287,228 ekor dengan nilai RM1.57 juta masing-masing.

"Daripada jumlah itu, terdapat 61 orang penternak yang mengusahakan sebanyak 1,355 unit sangkar den-

gan spesies ternakan ikan Kerapu Hibrid dan Siakap.

"Projek ini merupakan antara penyumbang utama pengeluaran ikan makan air payau di negeri Terengganu, dengan purata pengeluaran sebanyak 100 tan metrik setahun dengan anggaran nilai berjumlah RM1.7 juta," ujarnya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita ketika lawatan kerjanya ke Projek Ternakan Ikan Air Payau Dalam Sangkar di Laguna, Kampung Gong Batu, Setiu, pada 19 Disember lalu.

Katanya, hasil projek ternakan ini mendapat permintaan menggalakkan daripada masyarakat setempat dan pengusaha restoran.

Dato' Che Abdullah yang juga Ahli Parlimen Tumpat menjelaskan, berdasarkan kepada pengeluaran hasil tahunan itu dianggarkan seorang penternak menikmati pendapatan sebanyak RM45,000.00.



Dato' Che Lah (kiri) melawat Projek Ternakan Ikan Air Payau Dalam Sangkar di Laguna, Kampung Gong Batu, Setiu.

Keluasan 23,000 hektar dan sebanyak 432 hektar daripada jumlah keluasan itu telah diwartakan, dan merupakan 'core zone' termasuk tapak projek ternakan ikan air payau di Laguna pada fasa pertama," ujarnya.

Menurutnya, kesan penubuhan taman negeri ini menyebabkan pembalakan projek-projek termasuk berkaitan akuakultur dalam kawasan berkenaan hendaklah mematuhi peraturan dan syarat-syarat ditetapkan oleh Majlis Pengurusan Taman Negeri.

Katanya, pengusaba diwajibkan mempunyai Lesen Menduduki Semenara (LMS) penggunaan tanah dan peralihan bagi tujuan melaksanakan operasi ternakan di tapak projek.

Namun kata Che Abdullah, buat masa ini permohonan LMS oleh pengusaba yang ingin meneruskan operasi projek ditangguhkan selangkaian ini dijalankan.

Hadir sama Ahli Parlimen Setiu, Shahrizukri nain Abd Kadir dan Pengerang Perikanan Negeri Terengganu, Zawawi Ali.



Dato' Che Lah mendengar penerangan yang diberikan oleh pegawai mengenai projek ternakan ikan air payau (tawar) di Setiu.

"Projek (ternakan) ini telah bermula pada tahun 1989 lagi.

"Pada tahun 2017, kerajaan negeri Terengganu telah menubuhkan satu taman yang dikenali sebagai 'Taman Negeri Setiu Wetland' bertujuan untuk mengekalkan habitat dan melindungi ekosistem agar kekal lestari.

"Taman ini mempunyai

'Perbanyak projek ternakan lembu elak daging import'

Pasir Puteh: Projek penternaan lembu di negara ini perlu diperbanyakkan dalam usaha mengatasi kebangkitan pasaran tempatan kepada daging import.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan II, Datuk Che Abdullah Mat Nawi, berkata langkah itu sekali gus dapat mengelakkan kemasukan daging import yang diragui status halal dan kualitinya.

Ketika ini, katanya, tahap keberadaan daging tempatan masih terlalu rendah dan tidak dapat memenuhi keperluan pasaran, menyebabkan harga bahsil ternakan itu lebih tinggi berbanding daging import.

"Kita perlu memikirkan banyak aspek berikutan permintaan daging import masih ada kerana peniaga makanan atau yang berkaitan perlu kos yang lebih rendah. Daging tempatan kurang, menyebabkan harga-

nya masih mahal.

"Untuk memenuhi kehendak pasaran, perlu lebih ramai terabit dalam penternaan, khususnya lembu untuk keperluan daging dan sebagainya," katanya selepas Majlis Pelancaran Produk Inovasi Makanan Insitut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) di sini, semalam.

Katanya, galakan menternak, khususnya lembu juga dimajukan dalam Rancangan Malaysia Ke-12 (RMKe-12) dan projek penternaan haiwan ruminan itu akan diteruskan dengan menggalakkan lebih ramai menyertainya, khususnya belia di bawah program agroprenuer muda.

"Apabila lebih banyak lembu diternak, pengusaha boleh jual dalam bentuk daging segar atau dibuat daging sejuk beku dan boleh bersaing harga dengan daging import," katanya.



Che Abdullah bersama penerima bantuan selepas Majlis Pelancaran Produk Inovasi Makanan MARDI, di Pasir Puteh,
(Foto Nik Abdullah Nik Omar/BH)

Wanita ditahan pukul kucing bunting sampai mati



SEEKOR kucing bunting mati dipukul dengan besi oleh seorang wanita di Seberang Jaya semalam.

SEBERANG PERAI - Seekor kucing yang sedang bunting mati, manakala seekor lagi cedera selepas dipukul dengan sebatang besi oleh seorang wanita di perkampungan sebuah pangsapuri di Pin-tas Kalui 1, Seberang Jaya di sini kelmarin.

Dalam kejadian kira-kira pukul 1.30 petang itu, wanita berkenaan bertindak demikian dipercayai akibat berang kerana kucing itu didakwa telah membuang najis di hadapan rumahnya di kawasan itu.

Ketua Polis Daerah Seberang

Perai Tengah, Asisten Komisioner Shafee Abd. Samad berkata, tindakan suspek berusia 51 tahun itu telah disaksikan seorang lelaki yang tampil membuat laporan polis.

"Menurut pengadu (saksi), suspek telah memukul dua ekor kucing yang sedang diberi makan oleh rakan pengadu dengan sebatang besi yang diambil dari dalam sebuah kereta.

"Akibat kejadian itu, salah sekor kucing tersebut yang bunting mati, manakala seekor anak kucing luka pada mulut," katanya

kepada pemberita semalam.

Shafee berkata, saksi itu kemudiannya menghubungi Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) sebelum kucing tersebut diambil dan dibawa ke ibu pejabat JPV di Jalan Bukit Tengah, Bukit Mertajam di sini.

"Polis telah menahan suspek yang bekerja sebagai broker itu dan soal-siasat mendapati dia tidak mempunyai sebarang rekod lampau," katanya lagi.

Shafee berkata, kes disiasat di bawah Seksyen 29(1)(e) Akta Kebajikan Haiwan 2015.

31/12/2020

SINAR
HARIAN

SUARA SINAR

16

Nota Di Sebalik Tabir

Bersama MERAK JALANAN

TINDAKAN seorang wanita di Pulau Pinang pada Selasa lalu yang tergamak memukul seekor kucing bunting hingga mati adalah perilaku yang zalim dan tidak berperikemanusiaan.

Hanya kerana kucing itu dikatakan membuang najis di hadapan rumahnya, mengakibatkan dua nyawa tidak berdosa melayang.

Tidaklah dia berasa kasihan dan simpati? Difahaman, dalam kejadian jam 1.20 petang itu, wanita terbabit merungut memarahi dua kucing ber-

kenaan sebelum pergi ke keretanya untuk mengambil besi dan memukul haiwan itu yang mengakibatkan seekor mati dan seekor lagi cedera di mulut.

Kejadian itu dilihat oleh penduduk sebelum melaporkan kepada Jabatan Veterinar negeri. Tindakan selanjutnya telah diambil termasuklah menyiasat perkara berkenaan mengikut Seksyen 29(1)(e) Akta Kebajikan Haiwan 2015.

Kes menganiaya haiwan bukanlah perkara baharu. Ada banyakk lagi kes sedemikian yang mungkin tidak dila-

porkan atau dianggap enteng, namun tindakan kejam terhadap haiwan boleh mengakibatkan si pelaku didenda dan dipenjarakan.

Pada 5 November 2019, Mahkamah Sesyen Selayang menjatuhkan hukuman penjara 34 bulan dan denda RM40,000 terhadap seorang lelaki selepas bersalah membunuh kucing bunting dengan memasukkannya ke dalam mesin pengering dobi layan diri.

Kes kedua melibatkan seorang penganggur pada 16 Julai 2020 di mal-

Janganlah bertindak kejam dan menzalimi kucing jalanan

kamah sama atas pertuduhan membunuh tiga ekor kucing dengan melemas-kan haiwan itu di dalam tiga mesin basuh di sebuah kedai dobi layan diri di Kepong.

Nasihat Merak Jalanan, janganlah bertindak kejam hidup di dunia ini. Ingatlah kucing juga ada penciptanya dan kita sebagai manusia juga dicipta oleh pencipta yang sama.

Meraka juga mempunyai hak untuk hidup. Sentiasa kasihani haiwan ini walaupun ia kucing jalanan.

31/12/2020

SINAR NEGERI PERAK/
HARIAN JOHOR/

P.PINANG

27

Pukul kucing bunting sampai mati

Wanita berang najis di laman rumah

Oleh MOHD ISKANDAR
OTHEMAN

SEBERANG JAYA

Seorang wanita tergamak memukul seekor kucing yang bunting sehingga mati disebabkan haiwan itu membuang najis di hadapan rumahnya di sebuah flat di Pintas Kalui 1 di sini petang Selasa.

Dalam kejadian jam 1.20 petang itu, wanita berusia 51 tahun itu dilihat memukul dua ekor kucing yang berada berhampiran dengan rumahnya dengan sebatang besi hingga menyebabkan seekor lagi cedera di bahagian mulut.

Ketua Polis Daerah Seberang Perai Tengah, Asisten Komisioner Shafee Abd Samad berkata, tingkahlaku wanita itu disedari penduduk yang kebetulan sedang duduk berehat di sebuah pondok berhampiran



Kucing yang cedera di mulut selepas dipukul wanita berkenaan.



Kucing bunting mati dipercayai dipukul menggunakan besi.

tempat kejadian.

Menurutnya, kesal dengan perbuatan wanita itu, lelaki berkenaan kemudiannya menghubungi Jabatan Veterinar bagi melaporkan kejadian.

"Pengadu melihat wanita itu masuk ke dalam kereta dan mengambil sebatang besi sebelum memukul dua kucing itu.

"Lelaki berkenaan melihat wanita itu merungut disebabkan haiwan berkenaan membuang

Persatuan haiwan puji tindakan pantas pengadu

GEORGETOWN - Persatuan Haiwan Pulau Pinang memuji sikap cakna dan pantas pengadu dalam kes pukul kucing bunting sehingga mati di Seberang Jaya, pada petang Selasa.

Pengerusinya, David Yim Boon Leong berkata, tindakan bijak lelaki berkenaan yang segera melaporkan kejadian kepada Jabatan Veterinar membolehkan suspek kes terbabit ditangkap sebelum dihidapkan ke muka pengadilan.

Menurutnya, dengan bukti rakaman video dan gambar semasa kejadian serta bukti keadaan bangkai kucing terbit serta seekor lagi yang cedera akan memudahkan proses siasatan yang akan dilakukan oleh Jabatan Veterinar seterusnya mendakwa suspek yang tidak berperikemanusiaan ini.

"Tindakan pegawai Jabatan Veterinar yang cepat turun ke lokasi kejadian juga harus dipuji kerana berjaya menyelamatkan nyawa seekor lagi kucing yang tercedera. Sebelum ini kita tahu banyak kes penderaan haiwan yang berlaku namun disebabkan tiada bukti dan saksi menyebabkan si pelakunya terlepas begitu sahaja

"Mengikut Akta Kebajikan Haiwan 2015 menetapkan seseorang yang menzalimi haiwan boleh didenda maksimum sebanyak RM75,000 atau dipenjara tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya sekali," katanya ketika dihubungi *Sinar Harian* di sini pada Rabu.

Veterinar di Bukit Tengah.

najis di hadapan rumahnya," katanya ketika dihubungi *Sinar Harian* pada Rabu.

Berikutan itu, Shafee berkata, sepasukan pegawai Jabatan Veterinar termasuk pegawai kebajikan haiwan hadir ke tempat kejadian untuk melakukan pemeriksaan.

Katanya, mereka turut mengambil bangkai serta membawa kucing yang luka ke Ibu Pejabat Perkhidmatan Veterinar di Bukit Tengah.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
31/12/2020	KOSMO	NEGARA	6

Daging Allana halal, dimiliki keluarga muslim sejak 1969

Oleh RIDZAUDDIN ROSLAN

PETALING JAYA – Kumpulan Allana yang merupakan pengeksport daging dari India memberi jaminan bahawa status produk halal mereka sentiasa dijaga rapi selain dipatuhi setiap masa.

Sebagai pengeluar daging terbesar dunia sejak 1969, status halal sentiasa diutamakan selaras dengan konsep Allana sebagai sebuah syarikat bertanggungjawab.

Katanya, Kumpulan Allana kini dimiliki dan diuruskan oleh sebuah keluarga Muslim terkemuka yang memasuki generasi keenam.

“Kami mengeksport daging ke lebih 70 buah negara serta menjadi jenama popular di Indonesia, Malaysia, Mesir, Arab Saudi dan Emiriyah Arab Bersatu ekoran kualiti yang ditawarkan.

“Loji penyembelihan Allana juga diluluskan oleh Jabatan Perkhidmatan Veterinar, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) dan Kementerian Kesihatan,” katanya di sini semalam.

Katanya, buat masa ini, semua loji penyembelihan Allana juga telah diakreditasi sepenuhnya oleh Malaysia.

“Terdapat juga kebolehsanan penuh untuk setiap kontena yang tiba ke Malaysia kerana setiap kotak daging turut dicetak



LOJI sembelihan Allana diluluskan Jabatan Perkhidmatan Veterinar, Jakim dan Kementerian Kesihatan. – GAMBAR HIASAN

dengan kod QR.

“Jenama pemproses daging, Ramly Food Processors turut menjalin hubungan baik dengan kami selama 25 tahun. Kumpulan Allana juga mempunyai perkongsian perniagaan minyak sawit bersama Felda serta Tabung Haji,” ujarnya.

Bercakap mengenai isu kartel daging, katanya, pihak Allana berasa gembira dengan pendeda-

han dan tindakan pihak berkuasa ke atas kegiatan haram tersebut.

“Aspek halal tidak boleh dikompromi dan kami menyokong penuh hukuman paling berat kepada pihak yang melakukan kesalahan tersebut.

“Yakinlah, bahawa tiada alasan produk Allana dipalsukan kerana bekalan kami sentiasa mencukupi serta harga berpatutan,” jelasnya.

SABAH OK BAH

Tiada pelanggaran status halal di premis pengimport, pengedar daging di bandar raya ini

Oleh Juvan Riduan
am@hmetro.com.my

Kota Kinabalu

Operasi bersepadu membabitkan beberapa premis pengimport serta pengedar daging sekitar bandar raya ini menunjukkan tiada sebarang pelanggaran status halal di Sabah.

Menteri Tugas-Tugas Khas, Datuk Mohd Ariffin Arif berkata, semua produk daging yang diperiksa mematuhi standard halal ditetapkan Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS).

"Semua aspek mengenai status halal di Sabah ketika ini masih terkawal.

"Oleh itu, masyarakat di negeri ini diminta tidak bimbang dengan situasi berkaitan kes isu halal kartel daging seperti berlaku di Johor, baru-baru ini.

"Semua Kementerian serta jabatan yang berkenaan sentiasa



Semua aspek mengenai status halal di Sabah ketika ini masih terkawal. Oleh itu masyarakat di negeri ini diminta tidak bimbang dengan situasi berkaitan kes isu halal kartel daging seperti berlaku di Johor, baru-baru ini."

Mohd Ariffin

melaksanakan pemantauan secara berterusan.

"Malah, kita mempunyai prosedur operasi standard (SOP) yang sangat ketat dalam penguatkuasaan dan pengawalan," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui media selepas operasi bersepadu berkaitan isu kartel daging, dekat sini, kelmarin.

Turut hadir, Ketua Penolong Pengarah

Bahagian Penyelidikan dan Informasi JHEAINS, Baharudin Alwi.

Operasi diketuai JHEAINS dan disertai Jabatan Perkhidmatan Veterinar Sabah, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Sabah dan Pejabat Kesihatan Kota Kinabalu.

Sementara itu, Mohd Ariffin turut memaklumkan wujud sembilan syarikat diiktiraf sebagai pengimport daging halal selain 31 pengedar yang mendapat pengesahan sijil halal dan sentiasa dipantau dari semasa ke semasa.

Terdahulu, sebuah gudang syarikat daging sejuk beku di Taman Perindustrian Senai, Johor Bahru, Johor diserbu pihak berkuasa berkaitan kes isu halal. Kartel berkecuan dipercayai menjalankan kegiatan membuat label dan cop halal palsu yang kemudiannya ditampal pada kotak daging yang dibungkus semula itu.



Suami isteri didakwa guna logo halal tanpa perakuan

Johor Bahru: Sebuah syarikat pembekal daging dan dua pengarah syarikat terbabit didakwa di Mahkamah Sesyen, semalam atas pertuduhan menggunakan logo halal tanpa diperakui pada lori milik mereka, awal Disember lalu.

Rahman Sheikh Abdullah, 44, dan Raihanah Kassim, 42, yang juga pemilik Raihanah Cold Storage Sdn Bhd mengaku tidak bersalah atas kedua-dua kesalahan terbabit selepas pertuduhan dibacakan di hadapan Hakim Mohamad Halidar Abdul Aziz.

Dalam pertuduhan pertama, Rahman dan Raihanah yang juga suami isteri dan pemilik Raihanah Cold Storage Sdn Bhd itu didakwa menggunakan logo halal tanpa perakuan halal pihak berkuasa berhubung pada sebuah lori jenama Isuzu.

Mereka secara bersama selaku pemilik Raihanah Enterprise juga didakwa menggunakan logo halal tanpa perakuan halal pihak berkuasa berhubung pada sebuah lori jenama Mitsubishi.

Raihanah Cold Storage Sdn Bhd dan suami isteri terbabit didakwa melakukan kedua

kesalahan itu di premis syarikat di Taman Perniagaan Setia di sini, kira-kira jam 1 tengah hari pada 1 Disember lalu.

Raihanah Cold Storage didakwa mengikut Perenggan 8(a), Perintah Perihal Dagangan (Perakuan dan Penandaan Halal) 2011 yang boleh dihukum mengikut Perenggan 8(A) perintah sama yang memperuntukkan hukuman denda minimum RM200,000 dan bagi kesalahan kedua atau berikutnya didenda maksimum RM500,000, jika disabitkan kesalahan.

Rahman dan Raihanah secara bersama-sama turut didakwa mengikut Perenggan 8(a) Perintah Perihal Dagangan (Perakuan dan Penandaan Halal) 2011 yang boleh dihukum mengikut Perenggan 8(B) perintah sama, yang memperuntukkan hukuman denda maksimum RM100,000 atau penjara maksimum tiga tahun atau kedua-duanya, dan bagi kesalahan kedua atau berikutnya didenda maksimum RM250,000 atau penjara maksimum lima tahun atau kedua-duanya.

Kes didaftarkan Timbalan

Pendakwa Raya T Ashvini, manakala Rahman dan Raihanah diwakili Noor Liana Hashim dan Lau Kok Guan.

Terdahulu, timbalan pendakwa raya memohon mahkamah mengenakan jaminan RM50,000 dengan seorang penjamin terhadap Rahman dan Raihanah bagi pertuduhan kedua.

Ashvini berkata, jaminan yang tinggi wajar dikenakan memandangkan kes logo halal mendapat liputan luas media dan turut dibincangkan di Parlimen.

Peguam Noor Liana Hashim dan Lau Kok Guan kemudian merayu jaminan itu dikurangkan atas alasan syarikat itu masih beroperasi dengan memiliki 20 pekerja selain pasangan suami isteri itu menanggung empat anak berumur antara 10 hingga 20 tahun.

Mahkamah kemudian membenarkan pasangan itu dijamin masing-masing dengan RM40,000 dan seorang penjamin selain menetapkan 19 Januari depan untuk sebutan semula kes berkenaan bagi penyerahan dokumen.



RAHMAN mengaku tidak bersalah.



RAIHANAH

ANTARA daging import yang berada di pasaran tempatan.

Oleh Zatul Iffah Zolkipli
zatuliffah@hmetro.com.my

Kuala Nerus

Orang ramai berhak untuk membuat pilihan sama ada mahu terus memakan daging import atau sebaliknya, bergantung kepada keyakinan masing-masing. Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) Senator Datuk Seri Dr Zulkifli Mohamad Al-Bakri berkata, pihak berkuasa seperti Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim), Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) serta mufti sudah memberi kenyataan dan pandangan masing-masing selain ia dibahaskan di Dewan Negara.

"Sebahagian (daging halal) sudah disahkan semalam (Selasa) oleh KPDNHEP dan jawapan itu sudah boleh kita ambil kira.

"Jadi pandangan yang dikemukakan samalah-samalah, lebih kepada untuk ikhtiar atau pun mengambil jalan berhati-hati.

"Tetapi apabila disahkan oleh sebahagian daripada pihak berwajib yang menyertai, membuat kajian dan telah masuk dalam Parlimen semalam (Selasa) melalui Dewan Negara dan ada usul khas yang dijawab dengan tuntas oleh

Timbalan Menteri KPDNHEP Datuk Rosol Wahid, ia memberi jawapan yang melegakan kita semua.

"Bagaimanapun, sekiranya masih waswas, mereka (orang ramai) perlu menghindari apa yang menjadi keraguan kepada apa yang tidak menjadi keraguan. Saya berdoa kepada Allah SWT supaya isu ini dapat diselesaikan dengan sebaiknya," katanya.

Beliau berkata demikian selepas merasmikan Program Dana Inspirasi Malaysia (Inspirasiku) di Universiti Sultan Zainal

Abidin (UnisZA) di sini, semalam.

Dr Zulkifli berkata demikian ketika mengulas kenyataan Timbalan Mufti Perak Datuk Zamri Hashim yang menyarankan orang ramai supaya menggunakan kuasa pengguna dengan tidak memakan daging import khususnya lembu buat sementara waktu sehingga keyakinan mengenai status halal daging terbahit diperakui sepenuhnya.

Menurut Dr Zulkifli, Jakim sudah mengeluarkan pelan tindakan bagi menangani isu keraguan status

halal daging import seterusnya menambah baik kelemahan yang ada selain merangka prosedur operasi standard (SOP) baharu pengurusan halal.

Beliau berkata, Bahagian Pengurusan Halal dan Sekretariat Majlis Halal Malaysia juga akan mengadakan perbincangan dengan pelbagai

kementerian serta agensi berkaitan selain pengimport dan

pedagang daging pada awal bulan depan.

JIKA WASWAS, JANGAN MAKAN

Orang ramai berhak buat keputusan mahu makan daging import atau sebaliknya



“Sebahagian (daging halal) telah disahkan semalam (Selasa) oleh KPDNHEP oleh Zulkifli”



Kuala Berang: Peniaga daging dan barangan sejuk beku diminta memaparkan sijil halal disahkan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim).

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna Datuk Rosol

Wahid berkata, sijil halal itu perlu dipamerkan bagi mengelak berlakunya kekeliruan dalam kalangan pengguna berkaitan pelbagai produk sejuk beku.

Menurut beliau, tindakan ke atas peniaga termasuk pemilik perhotelan, restoran dan pasar raya yang tidak memaparkan sijil halal adalah di bawah bidang

kuasa Jakim.

"Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) boleh mengenakan tindakan jika sijil halal dipamerkan palsu.

"Perlu diingatkan, sijil halal untuk rumah penyembelihan hanya sah dalam tempoh satu tahun dan dua tahun untuk restoran serta hotel manakala tiga tahun untuk produk kosmetik," katanya ditemui pada majlis lawatan dan pemeriksaan Skim Harga Maksimum Musim Perayaan (SHMMP)

sempena perayaan Krismas di Pasar Raya Nirwana di sini, semalam.

Turut hadir Pengarah KPDNHEP negeri Saharuddin Mohd

“KPDNHEP boleh mengenakan tindakan jika sijil halal dipamerkan palsu Rosol”

Pamer sijil halal Jakim elak pengguna keliru

Kia.

Mengulas lanjut, Rosol yang juga Ahli Parlimen Hulu Terengganu berkata, peniaga yang memaparkan sijil halal palsu boleh dikenakan tindakan mengikut Perintah Perihal Dagangan (Perakuan dan Penandaan Halal) 2011.

Bagi kesalahan pertama, individu yang bukan pertubuhan dan perbadanan boleh didenda tidak lebih RM100,000 dan penjara tidak lebih tiga tahun atau kedua-duanya sekali.

Bagi kesalahan kedua, boleh didenda tidak lebih RM150,000 atau penjara tidak lebih lima tahun atau kedua-duanya sekali.

Ketika mengulas mengapa kerajaan masih belum mengumumkan nama syarikat dan jenama daging sejuk beku yang menggunakan logo halal palsu, Rosol berkata, isu



CONTOH

dibangkitkan termasuk pada persidangan Dewan Negara kelmarin, masih dalam siasatan.

"Kerajaan tidak boleh mengumumkan sewenang-wenangnya kerana ia boleh menjejaskan siasatan," katanya.

Rosol menjelaskan, semua daging sejuk beku dijual di pasar raya dan pasar utama disahkan halal.

"Daging sejuk beku yang dirampas kerana menggunakan sijil halal palsu sudah disita," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
31/12/2020	SINAR HARIAN	ISU PENYELUDUPAN DAGING SEJUK BEKU	3

Sabah pantau 9 syarikat import daging

KOTA KINABALU - Sembilan syarikat yang mengimport daging halal dari luar negara di Sabah sentiasa dipantau ketat oleh Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS) bagi memastikan tiada isu berkaitan kartel daging berlaku di negeri itu.

Menteri Tugas-Tugas Khas Sabah, Datuk Arifin Mohd Arif berkata, pemantauan turut dilakukan oleh agensi lain yang berwibawa dari sudut undang-undang dan diharap rakyat di negeri itu tidak risau dengan isu yang sedang hangat diperkatakan kini.

“Setiap bulan JHEAINS dan Jabatan Perkhidmatan Veterinar, Jabatan Kesihatan dan jabatan yang terlibat sentiasa membuat pemantauan tegas serta ketat terhadap sembilan syarikat yang mengimport daging halal dari luar negara.

“Selain itu, daging yang diimport juga diiktiraf dari segi halalnya dan ia datang dari negara tertentu seperti daging lembu dari New Zealand dan Australia yang ada logo halal, daging kerbau dari India manakala daging ayam dari Belanda dan Denmark,” katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas operasi bersepadu berkaitan isu kartel daging di sekitar Kota Kinabalu pada Rabu.

Arifin berkata, daging yang diimport di Sabah dibawa masuk terus ke negeri itu tanpa melalui negeri lain atau dari Semenanjung.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
31/12/2020	SINAR HARIAN	ISU PENYELUDUPAN DAGING SEJUK BEKU	4

Syarikat pengeksport India sahkan tiga jenama dagingnya dijamin halal

SHAH ALAM - Syarikat pengeksport daging, Fair Export (India) Pvt Ltd memaklumkan tiga jenama daging yang diedarkan di Malaysia iaitu Al-Tamam, Al-Fadeel dan Amroon dijamin halal.

Dalam satu kenyataan pada Rabu, syarikat dari India itu menegaskan mereka sentiasa mematuhi syarat yang ditetapkan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) bagi memastikan produk itu memenuhi hukum syarak.

“Daging kami disembelih dan diproses di loji penyembelihan berteknologi tinggi dan sentiasa dipantau dengan ketat oleh organisasi Islam lain yang diiktiraf di India.

“Loji penyembelihan bernombor 42 itu telah berdaftar dengan Jabatan Perkhidmatan Veterinar Malaysia (DVS).

Daging yang diproses dari loji ini juga dieksport ke lebih 29 negara,” katanya.

Kenyataan itu turut menyebut antara negara yang mengimport produk daripada syarikat itu ialah Arab Saudi, Emiriah Arab Bersatu (UAE), Qatar, Kuwait, Iraq, Jordan, Maldives, Indonesia dan Mesir.

“Fair Exports merupakan syarikat yang telus dan tidak akan berkompromi membatikan kesucian agama Islam,” katanya.

Pada Selasa, Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP), Datuk Rosol Wahid memaklumkan tiga syarikat pengeluar daging sejuk beku terbesar iaitu Allana Group, Amroon dan Al-Aali antara pembekal daging yang dijamin halal.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
31/12/2020	HARIAN METRO	MUKA DEPAN	1

AKTIVITI TERNAKAN BABI RESAHKAN PENDUDUK

NAFAS JIJIK

Ribuan penduduk di beberapa kawasan di Pulau Pinang, Perak, Negeri Sembilan dan Selangor terpaksa bergelumang bau busuk daripada ladang ternakan babi berhampiran yang mana ada antaranya sudah wujud sejak lebih 40 tahun lalu. Keadaan bertambah buruk berikutan ada penternak gagal menguruskan ladang ternakan dengan baik dan melepaskan bahan buangan ke dalam sungai sehingga menimbulkan tanda tanya di mana fungsi pihak berkuasa dalam mengambil tindakan.

31/12/2020

HARIAN
METROLAPORAN
KHAS

2

'Bau busuk meresap ke dalam pakaian'

Kampar: Lebih 1,000 penduduk di beberapa penempatan berhampiran Malim Nawar di sini, terpaksa menghidu bau busuk dari ladang ternakan babi berkeluasan 40 hektar yang terletak berdekatan. Masalah yang berlarutan lebih 10 tahun itu didakwa menjejaskan kawasan seperti Taman Tualang Sekah, Kampung Seri Malim, Taman Bina Jaya, Kampung Changkat Baru, dan sekitar kawasan Pasar Awam Malim Nawar.

Penduduk Jazuan Mokhtar, 35, dari Taman Tualang Sekah di sini, berkata kehidupan sehariannya terganggu akibat bau busuk dari ladang ternakan babi terbabit.

Menurutnya, selain itu penduduk juga berdepan gangguan lalat sehingga menjejaskan aktiviti rutin di rumah seperti memasak, menjamu selera serta menjemur pakaian.

Malah, katanya, pintu dan tingkap rumah sentiasa ditutup walaupun ketika berada di rumah bagi mengurangkan bau meloyakan itu di samping menghindari kehadiran banyak lalat.

"Bau busuk dari ladang babi mengganggu hampir setiap malam hingga awal pagi dan adakalanya memaksa isteri memasak dalam keadaan sistem pengudaraan tidak sempurna.

"Orang lain buka tingkap untuk melancarkan pengudaraan ketika memasak. Kami pula

sebaliknya, kena memasak dalam keadaan tingkap (pengudaraan) ditutup.

"Malah jika bau terlalu kuat, ia melekat sampai 'meresap' kepada pakaian dijemur di luar rumah," katanya ketika ditemui sewaktu tinjauan Harian Metro ke ladang babi itu.

Penduduk lain, Hazril Nizam Mohd Nordin, 44, berkata dia yang menetap di Rancangan Perumahan Awam II Malim Nawar sejak 30 tahun lalu mengakui kehadiran bau busuk dari ladang terbabit sejak 10 tahun lalu terutama ketika cuaca berangin serta selepas hujan.

"Kami rasa tidak selesa apabila lori membawa muatan babi kerap keluar masuk melalui kawasan perumahan ini yang

majoritinya beragama Islam berbanding mengikut jalan alternatif yang jauh daripada penempatan penduduk," katanya.

Tinjauan mendapati ladang itu terletak berhampiran tanah milik syarikat berkaitan kerajaan negeri termasuk Perbadanan Pembangunan Pertanian Negeri Perak (PPNP) atau berhampiran bekas lombong.

Difahamkan setakat ini tiada najis atau sisa daging babi dijumpai dibuang ke parit serta longkang mengalir ke bekas lombong yang terletak bersebelahan kandang terbabit.

Sementara itu, Setiausaha Pas Kampar, Khairul Alimi Kamarul Hailan ketika dihubungi berkata, pihaknya sudah mengemukakan bantahan kepada kerajaan negeri menerusi memorandum yang ditandatangani lebih 1,000 penduduk di kawasan terbabit pada Ogos lalu.



Si 'Najis' keroh yang tercemar hasil dengan kumbahan dari ladang babi.

KEADYAN air Sungai Keroh yang bercahaya hitam.



Malah jika bau terlalu kuat, ia melekat sampai 'meresap' kepada pakaian yang dijemur di luar rumah.

Jazuan



Oleh Nur Izzati Mohamad @nuzatimohamad

Trasek Gelangor

"**S**emua penduduk sudah 'mangli' dengan (pencemaran) bau busuk (babi) tetapi sampai bila? Banyak pihak datang membuat pemeriksaan kononnya untuk selesai masalah ini namun tiada apa-apa pun," kata Subri Osman, 36.

Difahamkan, masalah pencemaran Sungai Keroh dipercayai berpunca

akibat pelepasan najis babi dari ladang ternakan di Kampung Selamat, di sini yang terletak lima kilometer (km) dari kawasan penempatan penduduk yang terjejas.

Antara kawasan itu termasuk Kampung Pakok Machang, Kampung Lubuk Meriam, Kampung Tonsen, Kampung Labat Yooi, Kampung Sungai Kerek, Kampung Seberang Tok Dol dan Kampung Air Melintas Kechil.

Malah, ada 77 kandang membabitkan 135,000 ekor babi di kawasan penternakan di Kampung Selamat yang dikatakan sudah beroperasi sejak 1980-an.

Subri yang membesar

'5 tahun masalah tak pernah selesai'



Kuala Lumpur: "Walaupun isu ladang babi haram pernah dibongkar media lima tahun lalu masalah itu tidak pernah selesai," kata penduduk Mazlan Mohd Noh, 36.

Malah, berdasarkan tinjauan Harian Metro di Kampung Batu Untung, Tanjung Lavang, Bedford, Kampung Tumbang dan Kampung Endah di sini,

mendapati ramai penduduk merungut mengemuti isu terbabit. Mazlan berkata, aktiviti lori membawa babi atau daging babi melalui kawasan itu bukan lagi perkara pelik.

"Ramai penduduk sememangnya tidak berpuas hati apabila lori membawa babi turut menyebabkan tumpahan air kencing dan najis dari lori berkenaan.

"Malah, kerap kali penduduk bersungut apabila air buangan dari lori itu turut terpercik dan mengenai penunggang

motosikal yang melalui jalan sama," katanya.

Menurutnya, walaupun ada cadangan pihak berkuasa untuk membina ladang ternakan babi berkelompok di sini, namun ia bukanlah penyelesaian terbaik berikutan bilangan ladang babi haram dan pusat penyembelihan babi masih tidak berkurangan.

"Lebih memburukkan keadaan apabila ada penduduk memternak babi secara kecil-kecilan di belakang rumah hingga mencemarkan kawasan ini dengan bau busuk.

"Ladang babi berselerak juga terletak tidak jauh dari Pantai Morib dan Pantai Batu Laut. Ini turut dilindungi menjadi punca pencemaran apatah lagi ada air kumbahan dari ladang babi ini mengalir ke longkang dan parit sebelum sampai ke Kuala atau pantai," katanya.

Sementara itu, wartawan ketika melakukan tinjauan turut

melihat sendiri kewujudan ladang babi yang berselerak dan tidak diselenggara dengan baik di kawasan terbabit.

Malah, kedudukannya yang berdekatan dengan penempatan penduduk turut menjadi punca bau busuk.

PENCEMARAN LADANG BABI

ANCAMAN DARI
KAMPUNG SELAMAT

"Tanyalah mana-mana penduduk, semuanya dah tak tau nak cakap apa pasal masalah ini"

Subri

Kampung Air Melintas kecil di sini, berkata, dia dah lali dengan masalah lepasan najis babi dalam Sungai Keroh hingga mengandungi pencemaran air dan bau, katanya, paling teruk mungkin dilanda najir sehingga najis babi masuk ke dalam rumah dan membuatkan keadaan.

"Tanyalah mana-mana penduduk, semuanya dah tak tau nak cakap apa pasal masalah ini. Saya tengok banyak orang kenamaan dan pihak berkuasa datang membuat tinjauan, mengambil sampel air, silih berganti namun tiada apa-apa perubahan pun."

"Jadi sampai bila-bilalah kami terpaksa hidup macam ini hingga kami dah lali," katanya ketika ditentu, di sini.

Bagi penduduk Asiah Arshad, 70, pintu dan tingkap rumahnya sentiasa ditutup kerana sudah tidak tahan dengan pencemaran bau yang terlalu kuat.

"Saya tak tahu sampai

bila nak hidup dalam keadaan macam ini hingga kadang-kadang kalau buat kenduri pun segan nak jemput adik beradik luar dari kampung ini."

"Mana talinya semua yang datang akan kata busuknya bau air dekat sini. Saya nak talap apa sebab memang betul."

"Bayangkan dahulu kawasan (Sungai Keroh) ini orang datang mandi dan memancing sebab banyak ikan serta udang galah, tapi sekarang yang ada hanya penub dengan najis babi," katanya.

Sementara itu, pada 17 Oktober lalu, Pengerusi Jawatankuasa Agroteknologi dan Keselamatan Makanan negeri Dr Norfela Ariffin

ketika mengulung perbahasan Rang Undang-Undang Perbekalan dan Usul Anggaran Pembangunan 2021 pada peristidangan Dewan Undangan Negeri (DUN) memaklumkan 36 ladang ternakan babi di Kampung Selamat didapati membuang sisa kumbahan dan najis secara terus ke dalam sungai di kawasan itu.

Dr Norfela dilaporkan berkata, Majlis Denduraya Seberang Perai (MIBSP) sudah merujuk pemilik ladang babi ke mahkamah sementara menunggu Endekmen serta Peraturan Penternakan Babi Negeri Pulau Pinang 2020 dikuatkuasakan tahun hadapan.

'Lepas sembelih
buang sisa ke sungai'

Port Dickson: Nama Bukit Pelandok, Chuah di sini, dikenali apabila kawasan itu dilanda wabak Japanese Encephalitis (JE) yang turut meragut 108 nyawa pada 1999 lalu.

Keadaan itu menyebabkan kawasan yang terkenal dengan industri ternakan babi terbesar di negara ini dan antara terbesar di Asia Tenggara 'ranap' dengan serangan virus Nipah berkenaan.

Bagaimanapun, selepas lebih 20 tahun berlalu kini penduduk kembali dihimpit kebimbangan apabila lebih 20 pengusaha dipercayai masih memternak haiwan terbahit dengan lokasi beralih ke kawasan berhampiran.

Tinjauan Harian Metro mendapati wujud beberapa kandang ternakan babi di Tanah Merah Site A dan Tanah Merah Site C di Chuah di sini, dipercayai beroperasi secara persendirian.

Penduduk Tanah Merah Site A, S Siva, 54, berkata, dia kecewa kerana penternakan babi di kawasan itu semakin berkembang.

"Mereka (pengusaha ternakan babi) seperti tidak serik kerana tetap memternak dan menyembelih babi di kawasan ini sebelum sisanya dibuang ke Sungai Sepang menyebabkan pencemaran air serta bau."

"Bagi saya bukan soal kaum atau agama, tetapi dari segi kesihatan kerana pencemaran dilakukan mereka boleh menjejaskan kawasan ini secara



Adakah mereka sudah lupa peristiwa sebelum ini kerana Bukit Pelandok pernah diserang virus Nipah yang mengorbankan banyak nyawa?"

Siva

keseluruhan.

"Adakah mereka sudah lupa peristiwa sebelum ini kerana Bukit Pelandok pernah diserang virus Nipah yang mengorbankan banyak nyawa," katanya yang berniaga di kawasan itu.

Penduduk lain yang mahu dikenali sebagai Ah Leng, 62, berkata, kebanyakan pengusaha ternakan babi itu generasi kedua yang meneruskan perniagaan keluarga.

"Mereka pernah rugi lebih RM1 juta pada 1999 ketika virus Nipah melanda kawasan Bukit Pelandok ketika itu."

"Tetapi itu dulu, sekarang sudah tidak sesuai lagi kerana ternakan babi mencemarkan sungai berhampiran dan kehidupan penduduk terjejas terutama ketika musim tengkujuh."

"Saya harap kerajaan dapat bertindak dengan segera sebelum terlambat, kerana jika berlaku lagi situasi seperti 20 tahun lalu, siapa yang susah," katanya.

Sementara itu, usaha Harian Metro mendapatkan maklum balas berhubung perkara berkenaan daripada agensi berkaitan tidak berjaya.

PENDUDUK Kampung Air Melintas kecil, Asiah Arshad, 70, memaparkan kawasan Sungai Keroh yang tercemar.



Penduduk mahu SPRM siasat

Pencemaran najis babi di Sungai Kereh berlarutan sejak 1980-an

Tasek Gelugor: "Derita yang masih berlarutan dan tiada kesudahan."

Mungkin itu ungkapan paling sesuai buat penduduk Kampung Air Melintas Kecil di sini, berhubung isu pencemaran najis babi di Sungai Kereh akibat longkongan sisa haiwan itu yang mengalir dari ladang di Kampung Selamat yang jaraknya kira-kira lima kilometer dari situ.

Menurut penduduk, Abu Hasan Awang, 52, pencemaran serta bau busuk dari air yang mengalir di Sungai Kereh itu sudah terlalu lama, namun masih tidak menunjukkan tanda bakal berakhir.

"Bayangkan dari 1980-an hingga kini, masalah ini tetap sama. Pihak berkuasa, agensi berkaitan, wakil rakyat silih berganti, hanya datang, lihat, kemudian pulang. Pencemaran tetap berlaku sehing-

ga kini. Sampai bila?" katanya ketika ditemui di rumahnya di Kampung Air Melintas Kecil.

Abu Hasan berkata, memandangkan isu pencemaran sungai itu masih berlarutan, beliau bersetuju sekiranya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) menyiasat perkara terbabit yang berkemungkinan memabitkan faktor 'orang dalaman'.

Dia yang kini bekerja sebagai pemandu selepas tidak lagi mengerjakan sawah ekoran air sungai yang tercemar itu turut memusnahkan hasil tanaman padinya, berkata ketika Sungai Kereh belum tercemar pada awal 1970-an, ia lubuk penduduk setempat mencari rezeki kerana banyak udang galah di sungai itu.

Kekecewaan sama turut diluahkan pesawah, Hishamudin Md Isa, 42, yang menanggung kerugian apabila air dari Sungai Kereh tercemar dan merosakkan hasil padi.

"Bagi saya, amat wajar SPRM memulakan siasatan. Kita lihat seperti ada sesuatu dan ada pihak terbabit dalam perkara ini. Bayangkan isu ini selalu mendapat perhatian, pelbagai pihak dan



Keadaan air Sungai Kereh yang dicemari najis babi di Kampung Tok Bedu, Tasek Gelugor.

(Foto Danial Saad/BH)

agensi datang melihat sendiri, namun selepas itu tiada tindakan lanjut.

"Bayangkan saya takut bila tiba masa hendak mengambil hasil padi. Pernah ada najis (babi) di situ. Tidak sanggup rasanya. Padi juga banyak yang rosak dan kami pesawah kerugian ribuan ringgit, itu belum masuk habis kaki ga-

tal-gatal," katanya.

Dia turut lega apabila baru-baru ini, pencemaran itu mendapat perhatian Jawatankuasa Petugas Khas yang ditubuhkan Kementerian Alam Sekitar dan Air (KASA) yang kemudian diarahkan untuk menyelesaikan isu pencemaran najis babi di Sungai Kereh dengan segera.

Sementara itu, Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani, Pembangunan Pulau Pinang dan Kesihatan Pulau Pinang, Dr Norlela Ariffin, berkata beliau meminta Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) membuat laporan polis mengikut Seksyen 430 Kanun Keseksaan dan kini perkara itu dalam siasatan polis.

"Polis ambil 11 sampel air sungai yang ada najis babi serta sampel dari kandang disyaki melepaskan najis. Jika SPRM hendak siasat, saya mengalu-alukan supaya tidak ada pencemar yang dibiarkan membuang sisa kumbahan ke dalam parit dan sungai sehingga BOD (Oksigen Biokimia) terlalu tinggi.

"Dari segi tindakan, Enakmen Ternakan Babi 2016 hanya diwartakan pada 2020 dan Peraturan Ternakan Babi pula hanya diwartakan pada Mac 2020. SPRM boleh siasat kenapa proses pewartan enakmen ambil masa begitu lama dari 2016 hingga 2020.

"Enakmen Perladangan Unggas pula diluluskan pada sesi kedua sidang Dewan Undangan Negeri (DUN) Pulau Pinang pada 2020 dan dituluskan pada Mesyuarat EXCO pada 9 Disember lalu untuk diwartakan pada 1 Januari 2021," katanya.

Norlela menjelaskan, apabila enakmen (Enakmen Ternakan Babi) tidak diwartakan dari 2016 hingga 2020, kerajaan negeri melalui Jabatan Perkhidmatan Veterinar tidak dapat mengambil tindakan.

Ketua Polis Daerah Seberang Perai Utara, Asisten Komisioner Noorzainy Mohd Noor, ketika dihubungi, berkata polis hanya me-



Bayangkan saya takut bila tiba masa hendak mengambil hasil padi. Pernah ada najis (babi) di situ. Tidak sanggup rasanya.

Hishamudin Md Isa, Pesawah

nunggu laporan kimia berhubung pencemaran Sungai Kereh bagi melengkapkan siasatan kes itu mengikut Seksyen 430 Kanun Keseksaan.

Beliau berkata, pihaknya juga sedang mengenal pasti beberapa individu terbabit dalam pencemaran itu dan berdasarkan siasatan, polis percaya dapat mengesan mereka yang dipercayai menjadi punca pencemaran Sungai Kereh.

Sementara itu, Pengerusi Persekutuan Penternak Babi Pulau Pinang, Wong Soon Ping, berkata sebanyak 69 ladang babi beroperasi secara sah dan berlesen di Kampung Selamat.

Berhubung rungutan penduduk mengenai bau busuk disebabkan operasi ladang babi secara haram yang semakin berleluasa, beliau berkata, dengan adanya Enakmen serta Peraturan Penternakan Babi Negeri Pulau Pinang 2020 yang bakal dikuatkuasakan pada 2021, ia akan dapat mengurangkan masalah itu.

BERNAMA

SERI TANJUNG FACTORY

KILANG BERBANDUNG 1

TINGKAT (45' X 120') PERMOHONAN BOLEH DIBUAT
DILAMAN WEB erumah.johor.gov.my

Jumlah Baki Unit Bumiputera: 8 unit
Luas Tanah: 10737 kp • 11043 kp
Luas Binaan: 8400 kp
Harga Bumiputera Dari:
RM 1,445,000.00
(harga min & maks)
Harga Selepas Diskaun 15%
untuk Bumiputera

GPS KOORDINAT: Longitudinal: 102.630856 Latitudinal: 2.015024

SUNBAY REALTY SDN. BHD. (009479-M)
NO. 1, 1st Floor, Jalan Indah Murni 2,
Pusat Perniagaan Mas Indah, Sungai Abong,
84000 Muar, Johor Darul Takzim.
Tel: +606-952 7955 Fax: +606-958 2300

Sila Hubungi: **012-568 3515 & 012-569 3515**
Email: sunbay@sunbay.com.my Web: www.sunbay.com.my

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
31/12/2020	SINAR HARIAN	NEGERI	26

13 guni anak kerang bernilai RM26,000 disita

Sebanyak 13 guni anak kerang disita selepas ditinggalkan di atas jalan di Jalan Bagan Sekinchan pada Rabu.



SEKINCHAN - Jabatan Perikanan Selangor menyita 13 guni anak kerang bernilai RM26,000 yang ditinggalkan di atas jalan di Jalan Bagan Sekinchan di sini Rabu.

Pengarahnya, Abdul Rahman Abdul Wahab berkata, operasi pada jam 1 pagi itu dijalankan tiga anggota dari Cawangan Perlindungan Sumber Pelabuhan Klang, Jabatan Perikanan Selangor.

Menurutnya, lebih dua individu yang dipercayai mempunyai kaitan dengan kegiatan mengambil anak kerang di kawasan itu bagaimanapun mereka sempat meloloskan diri dengan menunggang motosikal ke kawasan kebun kelapa sawit.

“Sehingga kini, tiada pengakuan diri daripada mana-mana pihak berhubung tangkapan anak kerang terabit.

“Kes disiasat mengikut Peraturan 4 (1) Peraturan-Peraturan Perikanan (Pemuliharaan Dan Kultur Kerang) 2002,” katanya.

Dalam pada itu, katanya, orang ramai yang mempunyai maklumat berhubung aktiviti berkenaan diminta melaporkan kepada Pejabat Perikanan berhampiran.

“Kecurian berterusan ini menjejaskan pendapatan komuniti penternak di samping mengancam kelestarian sumber kerang di negeri ini,” katanya.

Isu kartel daging import tidak halal

Kerajaan pertimbang tubuh RCI

Oleh MUHAMED
NORAZIHA ABDULLAH

KUALA LUMPUR: Kerajaan mempertimbangkan untuk menubuh Suruhanjaya Siasatan Diraja (RCI) bagi menyasat isu pengimportan daging sejuk beku yang diragui status halal.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), Dato' Seri Dr Zulkifli Mohamad al-Bakri berkata pihaknya akan mengadakan perbincangan dengan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) dan beberapa kementerian berkaitan dalam masa terdekat.

Katanya, melalui perbincangan itu semua pihak akan melihat dan meneliti setiap kelemahan

yang ada untuk diperbaiki dalam aspek status halal bekalan daging import di negara ini.

"Saya berjanji tindakan segera akan diambil dalam piawai dan bidang kuasa Jakim, di samping kita bekerjasama erat dengan kementerian lain, insya-Allah secara bersepadu.

"Selepas itu, baru kita tahu apa penyakit-penyakit (masalah) yang perlu ditangani khususnya dalam isu pengimportan daging, sama ada ikut SOP halal atau tidak," katanya kepada pemberita selepas meninjau pusat pengimport daging sejuk beku, di Kuala Lumpur Isnin lepas.

Pada 2 Disember lalu, akhbar tempatan mende-



Menteri Hal Ehwal Agama meninjau syarikat Ramly Food Processing Sdn. Bhd.

dahkan Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan (MAQIS) serta Kementerian Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) menyerbu sebuah stor yang didapati meletakkan label halal palsu terhadap daging yang diimport.

Dr Zulkifli meminta supaya diberikan masa untuk berbincang mengenalnya

terlebih dahulu.

"Saya tidak kata perlu atau tidak (RCI). Sebab perkara ini saya perlu dalami lebih baik lagi, tetapi saya tidak akan ambil masa lama.

"Dalam masa dua tiga hari atau seminggu ini, untuk kita lihat respons dan maklumat perkara yang kita boleh tangani secepat mungkin," katanya.

PAS desak penjelasan MAQIS

Oleh NOR HAZWANI NOH

KUALA LUMPUR: PAS mendesak penjelasan daripada pihak Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS) yang mempunyai peranan mustahak dalam isu daging import.

Naib Presiden PAS, Senator Ustaz Idris Ahmad berkata ini kerana MAQIS menjadi bahan rujukan utama kepada Jabatan Kastam bagi sebarang pengawal seliaan pengimportan dan pekeksportan komoditi berasaskan pertanian, haiwan dan perikanan, bersandarkan kepada Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 (Akta 728).

Menurut beliau, pendedahan yang dilakukan oleh pihak MAQIS awal bulan lalu sudah pasti menimbulkan kekusaran khususnya dalam kalangan umat Islam di negara ini.

"Hal ini kerana ia melibatkan isu sensitif logo halal yang telah dipalsukan. Lebih perit lagi, beberapa media turut mendakwa kartel ini telah beroperasi selama 40 tahun tanpa pengetahuan pihak berkuasa," ujarnya.

Sementara itu, beliau berkata terdapat beberapa isu utama yang masih lompong dan memerlukan penjelasan secara kompre-



Senator Ustaz Idris Ahmad

hensif.

"Antaranya, sejauh mana kartel yang didakwa telah wujud sejak 40 tahun gagal dikesan oleh pihak berkuasa? Apakah sudah ada dakwaan di mahkamah mengenai kewujudan kartel berkenaan? Ini sebahagian yang masih memerlukan penjelasan lanjut pihak berkuasa," ujar beliau.

Dalam serbuan baru-baru ini, sindiket tersebut dipercayai terlibat dalam beberapa kesalahan di bawah peruntukan Akta 728 berkaitan dengan pemalsuan dokumen, permit, sijil halal dan sebagainya.

Katanya, dakwaan tersebut juga menyentuh mengenai serbuan kira-kira 1,500 tan daging berjumlah RM30 juta.

"Namun, dalam kenyataan lain yang dikeluarkan oleh pihak MAQ-

IS sendiri mendedahkan bahawa sepanjang Januari sehingga November tahun ini, sebanyak 1,220 kes tahanan melibatkan nilai RM157 juta.

"Manakala kes yang melibatkan komoditi daging sahaja adalah 56 kes bernilai RM5.3 juta dengan jumlah kompaun RM224,800," katanya.

Mengulas lanjut beliau berkata, kedua-dua perkara itu mendedahkan tidak konsisten daripada data-data yang dikeluarkan oleh MAQIS sendiri dan dengan apa yang telah didedahkan oleh pihak media.

Selain itu, katanya perkara yang masih kabur juga adalah mengenai kebobolan serta ketempangan badan-badan penguatkuasa di pintu masuk negara yang mempunyai Prosedur Operasi Standard (SOP) yang ketat dan jelas dalam pengimportan daging sejuk beku.

Sehubungan itu, beliau menggesa kerajaan melakukan siasatan terperinci, tidak berat sebelah dan menyeluruh dalam isu ini.

"Hal ini kerana ia melibatkan institusi-institusi utama dalam negara seperti pihak Kastam, MAQIS, Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) malah Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) sendiri yang begitu sensitif dengan sebarang

SOP yang dikenakan.

"Tuduhan melulu serta ketiadaan siasatan yang terperinci hanya memburukkan nama baik agensi yang terlibat," ujarnya pada satu kenyataan media, 28 Disember lalu.

Katanya, pengimportan daging sejuk beku memerlukan DVS untuk membuat pemeriksaan di loji pemprosesan di negara terbabit, selain memerlukan audit daripada pihak JAKIM berdasarkan Malaysia Standard for Halal Food (MS1500:2009).

"Di samping itu, pihak MAQIS juga bertanggungjawab untuk melakukan semakan dokumentasi dan pemeriksaan fizikal di pintu masuk termasuklah berkaitan permit import, borang Kastam K1, Sijil Kesihatan Veterinar, Sijil Halal dan lain-lain dokumen sokongan.

"Situasi ini menjelaskan SOP yang ketat yang dikenakan terhadap pengimportan daging import," jelasnya.

Beliau menegaskan bahawa isu ini perlu mendapat siasatan dan penjelasan yang komprehensif dan tuntas.

"Ia merupakan isu yang besar dan menyebabkan imej buruk kepada negara jika tiada penjelasan yang sebenar diketengahkan oleh pihak berkuasa.



Sebanyak 1,500 tan daging sejuk beku bernilai RM30 juta disita pihak berkuasa di sebuah gudang di Senai, Johor.

Kartel seludup daging sejuk beku tidak halal tumpas

1 DISEMBER

JOHOR BAHRU – Taktik jahat kartel yang menyeludup daging sejuk beku dari China, Ukraine, Brazil dan Argentina sebelum membungkus semula daging tersebut dengan logo halal dan menjualnya ke pasaran seluruh Malaysia terbongkar dalam serbuan bersepadu pihak berkuasa di sebuah gudang di Senai terbongkar hasil laporan *Sinar Harian*.

Hasil risikan Jabatan Perkhidmatan Kuaran dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) kartel berkenaan dipercayai menyamar sebagai syarikat pembekal daging sejuk beku telah menjadikan gudang berkenaan sebagai lokasi untuk membuat label dan cap palsu yang kemudiannya akan ditampal pada ko-

tak daging yang telah dibungkus semula itu. Ketua Pengarah Maqis, Saiful Yazan Alwi berkata, dalam serbuan itu sebanyak 1,500 tan daging sejuk bernilai RM30 juta telah disita.

Sinar Harian 23 November lalu mula mendedahkan mengenai syarikat ejen fret (freight forwarder) yang menguruskan proses pengimportan daging sejuk beku halal mengambil jalan mudah mengimport daging sejuk beku dari negara yang tidak menerima kelulusan sah Jakim.

Kegiatan yang berlaku sejak beberapa tahun lalu itu didakwa mendapat bantuan daripada 'orang dalam' di pintu masuk negara apabila kebanyakan daging sejuk beku import itu dibawa masuk menggunakan dokumen palsu.

Utama daging tempatan mampu 'hapus' kartel

Pengurusan halal di negara ini diiktiraf antara terbaik di dunia. Justeru, pendedahan isu kartel daging diragui statusnya boleh mencalarakan imej penguatkuasaan dan pengurusan halal.

Ditambah dengan fitnah dilakukan pihak tidak bertanggungjawab, selain beberapa undang-undang dan penguatkuasaan perlu dinilai semula, isu ini menimbulkan keresahan dalam kalangan umat Islam.

Dewan Negara turut membahaskan usul tergempar mengenai isu ini seperti dibawa Asmak Husin, mewakili suara rakyat menantikan pencerahan daripada pihak bertanggungjawab.

Penerangan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP), banyak perkara yang sebelum ini dibahaskan samar-samar, akhirnya jelas kepada rakyat.

Sedar atau tidak, negara kita berhadapan dengan cabaran jaminan keselamatan makanan. Agak pelik, selepas 63 tahun negara subur menghidu jati ini merdeka, mengapa industri pertanian dan penternakan atau industri mengeluarkan makanan tempatan, masih berada pada takuk lama,

bahkan tidak dibangunkan oleh pihak bertanggungjawab.

Penjenamaan industri atas nama pertanian pernah dianggap sebagai langkah mundur. Natiyahnya, beras pun terpaksa diimport dari negara jiran. Begitu lah juga dengan daging import, sedangkan lembu, kambing dan kerbau di negara kita, berada di mana-mana termasuk di atas jalan raya.

Dengan kebergantungan kepada daging import, rantaian perbekalan untuk sampai ke negara ini melalui proses panjang. Mungkin bermula dari ladang ternak pekan kecil di Brazil, kemudian disembelih. Ia kemudian dibungkus dan disejuk beku sebelum dimasukkan ke dalam kontena.

Kemudian daging berkenaan dihandal dengan kapal laut. Sampai di pelabuhan di negara ini, ia dikeluarikan daripada pembungkusan, kemudian dibungkus semula atas jenama tempatan, sebelum dipasarkan dan dijual di rak pasar raya.

Rantaian ini terlalu panjang, sekali gus memungkin berlaku khianatan pada mana-mana titik transit rantaian.

Senario ini membuktikan bahawa pentingnya pihak bertanggungjawab membuat tinjauan semula terhadap jaminan keselamatan makanan rakyat Malaysia. Inisiatif supaya menyokong

industri pemakanan lokal perlu dilakuk.

Di negara maju, pasar raya utama akan sentiasa mengutamakan bekalan makanan daripada sumber terdekat, jika boleh dari daerah sama. Ini akan menggalakkan industri tempatan, selain mengelakkan monopoli.

Malah lebih penting, rantalan perbekalan makanan akan lebih pendek dan kemungkinan berlakunya pengkhianatan adalah rendah.

Isu ini juga mengajar kepada kita. Bahawa industri halal bukan membabitkan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) sahaja, terutama bekalan import, banyak pemegang taruh lain terabit seperti KPDNHEP, Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Perkhidmatan Malaysia (MAQIS), Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) dan Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN).

Namun, paling kritikal ialah syarikat pemegang lesen dan pembekal. Sekiranya pematin industri lebih mengutamakan keuntungan dan mengabaikan integriti, maka pengguna akan terus menjadi mangsa.

Oleh itu, kesungguhan pihak yang bertanggungjawab untuk mengambil tindakan ke atas kartel yang mungkin sudah pun bertahun-tahun 'rasa sedap' dengan monopoli dan kekuasaan pe- masaran dimiliki, amatlah dinantikan

oleh rakyat.

Sekiranya tindakan ini dapat diambil, integriti dapat dipertingkatkan, permintaan boleh dipenuhi, bekalan daging semakin segar dan berkualiti, maka kala harga boleh dilaraskan kembali.

Walaupun situasi, penggunaan akan terus menjadi mangsa. Semuanya menanti langkah tuntas pihak bertanggungjawab, penggunaan perlu memainkan peranan kerana akhirnya yang akan menghidangkan dan menghadap juadah daging di atas meja makan, ialah pengguna sendiri.

Pada waktu inilah pesanan Rasulullah SAW perlu diteladani kerana Beliau pernah menyatakan apa yang halal dan haram adalah jelas, cuma antara kedua-duanya ada syubuh. Maka jaulah perkara syubuh.

Sekiranya pengguna menggunakan kuasa kepenggunaan dengan mengelakkan daging syubuh, kembali mengutamakan ajaran sunah dan mengutamakan produk tempatan, maka tiadalah peluang lagi kepada kartel untuk berterusan menikmati kuasa pasaran mereka sehingga kelabu mata demi keuntungan.

Penulis adalah Ketua Program Sains Kemanusiaan, Universiti Malaysia Pahang



**Dr Ahmad
Irfan Ikmal
Hisham**

Analisis

Isu daging import haram belunggu pengguna Islam

Oleh EVA NATASHA SADALI

ISU yang kita hadapi adalah berkenaan keselamatan daging import, integriti rantaian bekalan, loji penyembelihan tidak sah dan pemrosesan daging yang tidak halal.

Kenyataan yang dikeluarkan media tempatan yang mendakwa kartel daging haram berlanjutan selama 40 tahun itu adalah tidak benar sama sekali.

Sinar Harian melaporkan, setelah kajian dilakukan isu ini dilaporkan buat pertama kalinya pada Oktober 2019 yang lalu.

Malah, perkara ini juga telah diperiksa dengan menteri-menteri berkaitan pada masa itu dan mereka mengesahkan tiada aduan pernah diterima selain media juga tidak pernah menimbulkan isu itu sepanjang tempoh berkenaan.

Dakwa awal dibuat oleh Media Asia Sentinel selepas Jabatan Kemajuan Islam (Jakim) menarik balik pengiktirafan sebuah badan pensijilan halal di Australia.

Walaupun bagaimanapun, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) pada ketika itu yang di bawah kerajaan Pakatan Harapan (PH), Dato' Seri Dr Mujahid Yusof dan Timbalannya, Fauziah Salleh menolak dakwaan itu.

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) dalam satu kenyataannya baru-baru ini turut menafikannya.

Kesimpulannya, isu daging import haram ini bukanlah seperti yang digembar-gemburkan sesetengah pihak bagi mensensasikan lagi keadaan.

Perkembangan semasa industri daging

Untuk memahami gejala ini, kita perlu lihat status semasa industri daging.

Tahap sara diri atau SSL daging lembu adalah 22 peratus dengan nilai import RM3.8 bilion pada tahun 2018.

Purata import bulanan adalah lebih kurang 300 sehingga 400 kontena dengan 25 out daging beku setiap kontena.

Manakala, jumlah eksport RM1.2 bilion, defisit perdagangan RM2.6 bilion, defisit

temusu RM2.6 bilion, pada tahun yang sama.

Ternyata, permintaan dari luar negara melebihi penawaran tempatan yang bergerak perlahan bertukar-puluh-tahun lamanya.

Kerajaan telah mengenal pasti 28 rumah sembelihan yang sah di Australia, New Zealand, Argentina, Brazil, Pakistan, dan Afrika Selatan, serta 11 rumah sembelihan kerbau dari India dan Pakistan.

Sijil sah import (AP) diberikan kepada negara pembekal seperti Australia, Argentina, Brazil, India, Afrika Selatan, Pakistan, Jepun dan New Zealand.

Manakala, agensi yang terlibat dalam pemantauan adalah Jabatan Perkhidmatan Veterinar, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim), Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), MAQIS, Jabatan Keselamatan Dalam Negeri (JKDM) dan Polis Pelabuhan.

Mastermind kartel daging haram

Individu yang terlibat adalah pegawai kerajaan yang bersubahat dengan syarikat bumiputera yang bertopengkan nama Islam di bawah kerajaan Pakatan Harapan (PH), Dato' Seri Dr Mujahid Yusof dan Timbalannya, Fauziah Salleh menolak dakwaan itu.

Berbekalkan ganjaran sogokan wang dan liburan seks, individu tersebut dirasah sebagai dorongan melepaskan barangan yang diimport, tanpa mengikut peraturan ke pasaran negara ini.

Sumber daging haram yang dikesan termasuk dari Kanada, United Kingdom, Uruguay, Sepanyol, Mexico, Bolivia, Paraguay, Hong Kong, China dan Columbia.

Selain daging pejal, organ lain turut diseludup seperti paru, ekor, perut dan tulang leher dan pelbagai ternakan, kerbau, kuda dan kangkari dengan kaedah sembelihan yang diragut.

Proses penyelewengan bermula di loji penyembelihan di negara pembekal, di mana pegawai kerajaan perlu memberi pengesahan halal dan kualiti.

Apabila proses ini selesai, transaksi yang lain adalah mudah dan lancar.

Strategi sindiket adalah bagi mengelakkan pem-

bayaran cukai dan kos sijil halal.

Selain untuk mengaut keuntungan daripada harga import yang lebih murah tetapi boleh dijual pada kadar yang tinggi di pasaran tempatan.

Hasil risikan Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) dan beberapa agensi penguatkuasaan lain termasuk Jabatan Kastam Diraja Malaysia, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) dan Jabatan Agama Islam Negeri Johor (JAINI) mendapati gudang yang dipercayai menjadi pusat pengumpulan daging sejuk beku seludup, diragui status halalnya.

Lokasi serbuan yang terletak di Taman Perindustrian Senai, Johor Bahru itu didapati sudah beroperasi tanpa permit yang sah sejak tahun lalu.

Gudang yang dianggarkan menyimpan 1,500 tan daging sejuk beku bernilai RM30 juta itu adalah pembekal utama kepada pemborong daging sejuk beku seluruh Malaysia.

Maqis mengesan kartel berkenaan turut mencipta tiga jenama popular daging dad Australia.

Tindakan lici itu dikesan hasil penemuan kotak-kotak yang ditempek kartel daripada sebuah premis lain dengan meniru jenama terbahit seolah-olah ia tulen.

Pengarah KPDNHEP Putrajaya, Datuk Iskandar Hallim Sulaiman pula mengesahkan, siasatan mendapati sebanyak 30 pusat pengedaran mempunyai kaitan dengan gudang yang diserbu dan tindakan diambil mengikut Seksyen 5 Akta Perihal Dagingan 2011.

Dalam pada itu, Menteri KPDNHEP, Alexander Nanta Linggi dalam satu kenyataan mengarahkan kesemua cawangan KPDNHEP di seluruh negara untuk melakukan pemeriksaan bersepadu dengan Jabatan Agama Islam terhadap produk daging tersebut.



Isu import daging haram.

Bellau berkata, surat arahan berhubung perkara berkenaan sudah pun dikeluarkan kepada penguat kuasa KPDNHEP di setiap negeri.

Malah, PDRM memaklumkan mengenai pasti beberapa negeri yang dijadikan lokasi penyeludupan masuk daging sejuk beku.

Pengarah Jabatan Keselamatan Dalam Negeri dan Ketenteraman Awam (JKDNKA) Bukit Aman, Datuk Seri Abd Rahim Jaafar pula berkata, antara negeri yang dikesan menjadi akses utama daging sejuk beku haram dibawa masuk ialah melalui Kelantan, Johor dan Sarawak.

Bagi kes di Johor, daging sejuk beku dikesan diseludup melalui Pelabuhan Pasir Gudang dan Tanjung Pelepas.

Untuk isu ini, kastam telah menyemak Borang Kastam 1 (BK1) dan didapati dua pengimporan daging sejuk beku daripada syarikat yang diragut melalui Pelabuhan Tanjung Pelepas dan Pelabuhan Klang, Selangor.

Setelah dirujuk dengan Maqis, sejumlah 90 peratus daging sejuk beku berkenaan sebenarnya tidak dibenarkan masuk ke Malaysia kerana ia larangan mutlak susulan datang dari negara 'larangan'.

Ketua Polls Johor, Datuk Ayob Khan Mydin Pitchay berkata, pihaknya menerima tiga laporan kes daging sejuk beku haram oleh pihak KPDNHEP dan sedia bekerjasama melancarkan

Pemuda UMNO, Dato' Dr Asyraf Wajdi Dusuki mencadangkan agar sebuah pasukan khas membabitkan pelbagai agensi penguatkuasaan dalam industri halal perlu ditubuhkan bagi mengenal pasti dalang sindiket kartel yang menyeludup daging murah dari negara yang tidak diktraf persijilan halalnya.

Katanya, tindakan menarik semula serta-merta bekalan daging yang memasuki pasaran dalam tempoh dua minggu ini oleh syarikat terbahit perlu dilakukan termasuk membatalkan semua peruncit dan pengedar bagi mengelakkan ia dijual kepada rakyat dan pengusaha makanan.

Bellau berkata dalam satu kenyataan di Facebook miliknya pada 25 Disember lalu bahawa kebimbangan dan keraguan orang ramai terhadap status halal dan kebersihan daging import halal yang berada di pasaran dengan pelbagai berita sensasi termasuk campur aduk antara daging halal dan haram mesti ditangani segera oleh kerajaan.

Selain mendedahkan nama syarikat yang sedang diselidat dan disyaki terbahit dengan penipuan sijil dan percampuran daging halal haram tersebut.

Dalam pada itu, Persatuan Pengguna Islam Malaysia (PPIM) turut mencadangkan beberapa syarikat besar bergabung sebagai sebuah syarikat konsortium untuk bergerak atas dasar kepentingan Islam.

Katanya, kerajaan juga boleh menyediakan dana untuk peladang tempatan membeli lembu bagi mengurangkan hasil import dari luar negara sekali gus dapat mengurangkan risiko kemasukan daging haram ke Malaysia.

Islam menganjurkan agar penganutnya memilih makanan dari sumber yang sah, halal dan toyyiban kerana ia akan mencerminkan keperibadian akhlak dari rohani seseorang. Jika sumbernya baik, maka akan menjadi elok dan cantik keseluruhannya, jika tidak maka sebaliknya.

proses siasatan dan keselamatan.

Selain itu, siasatan menemui daging itik dan kaki angsa yang dibawa masuk dari Perancis, manakala terdapat daging sejuk beku lain dibawa masuk dari United Kingdom, Itali, Belgium dan Sepanyol berdasarkan tag dan label pada kotak.

Rentetan itu, pada 4 Disember lalu, pengurusan gudang daging sejuk beku itu ditahan oleh penguatkuasa Kastam bagi membantu siasatan.

Kegusaran Pengguna Islam

Kebimbangan terhadap status halal dan toyyiban daging import tersebut menjadi tanda tanya kepada para pengguna khususnya pembekal dan pengguna yang beragama Islam.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Senator Dato' Seri Zulkifli Mohamed Al-Bakri berkata, pihaknya akan mengemas kini isu ini selain memeriksa bagaimana syarikat terbahit mendapat ketulusan.

Katanya, penjenayah kartel daging ini akan dihukum kerana sudah menyalahi undang-undang yang telah ditetapkan.

Dalam pada itu, pihaknya memberikan jaminan kepada orang ramai mengenai daging import yang halal dengan merujuk senarai kilang halal yang dikeluarkan oleh Jakim menerusi laman www.dvs.gov.my.

Sementara itu, Ketua

Kerajaan cari kaedah kurang daging import

Oleh
MUHAMMAD ARIF ISMAIL

BACHOK: Kementerian Pertanian mencari kaedah bagi memastikan kebergantungan daging import dari luar negara dapat dikurangkan pada masa akan datang.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan II, Dato' Che Abdullah Mat Nawi berkata, pengeluaran daging tempatan sekarang tidak mampu memenuhi permintaan pasaran.

Katanya, bekalan daging import masih diperlukan bagi mengawal harga daging tempatan daripada terus meningkat.

"Apabila kita meningkatkan pengeluaran daging tempatan dan mengurangkan import secara tidak langsung rakyat kena tanggung peningkatan harga yang lebih mahal," katanya selepas mengadakan lawatan ke ladang kebun nanas di Kolej Voka-

sional Bachok, Tanggok di sini Isnin lepas.

Menurutnya juga kerajaan hendak jaga kepentingan kira-kira 30 juta rakyat dan bukan hanya golongan petani sahaja.

Baru-baru ini Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia membongkar kegiatan

penyeludupan daging dari China, Ukraine, Brazil dan Argentina menggunakan logo halal.

Serbuan dilakukan di sebuah gudang di Senai Johor yang dijadikan lokasi membuat label dan cap palsu, berjaya merampas 1,500 tan daging sejuk beku bernilai RM30 juta.



Che Abdullah Mat Nawi bercakap pada sidang media di Tanggok.

Nanas cobek beri pulangan berlipat ganda

Oleh
MUHAMMAD ARIF ISMAIL

BACHOK: Nanas varieti Milie Dilard 2 (MD2) dan Ananas Comosus atau nanas cobek mampu memberi hasil berlipat ganda kepada petani.

Nanas terbabit ditanam di tanah terbiar melibatkan kawasan seluas 9.12 ekar di Kolej Vokasional Bachok.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan II Dato' Che Abdullah Mat Nawi berkata, projek tanaman itu bakal dituai pada Mei hadapan dijangka memberi pulangan lebih RM1.2 juta.

Katanya projek tersebut dilaksanakan dengan usahasama Syarikat Kota Eze Sdn Bhd ditanam secara berperingkat melibatkan kawasan seluas 1.6 ekar fasa pertama.

"Bagi tanaman fasa pertama, sebanyak 30,000 pokok nanas cobek dan 17,000 pokok MD2 ditanam di kawasan Kolej Vokasional bermula Mac lepas.

"Hasilnya dijangka dapat dituai pada Mei 2021 dengan jangkaan setiap pokok akan mengeluarkan hasil satu hingga dua kilogram dengan harga antara RM10 ke RM13 sekilogram," katanya ketika ditemui selepas mengadakan

lawatan ke projek tanaman nanas di Kolej Vokasional Bachok Tangok di sini Isnin lepas.

Turut hadir ADUN Pantai Irama Mohd Huzaimy Che Husin, ADUN Semerak Wan Hassan Wan Ibrahim, Pengarah Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia (LPNM) Kelantan Mohd Zamani Ab Ghani, Pengarah Kolej Vokasional Bachok Wan Afthanorhan Wan Aftuluddin dan Pengarah Urusan Kota Eze, Dato' Zulkifli Abdullah.

Che Abdullah juga berkata, selain keuntungan, limpahan projek itu turut memberi peluang penduduk tempatan mendapat pekerjaan.

"Ia juga mampu menjadi

model kepada pelajar kolej tersebut serta melahirkan lebih ramai usahawan muda yang terlibat dalam sektor pertanian.

"Tahun ini kementerian membelanjakan hampir RM30 juta bagi sektor tanaman nanas dan sebanyak RM2.4 juta daripadanya untuk membantu petani di Kelantan," ujarnya.

Beliau berkata, permintaan nanas jenis berkenaan tidak pernah bermasalah sehingga sekarang. Menurutnya juga kerajaan menyasarkan kawasan seluas 60 ekarakan ditanam nanas di Bachok, Kota Bharu, Pasir Mas, Machang, Kuala Krai, Tanah Merah dan Jeli.



Che Abdullah Mat Nawi menunjukkan nanas varieti cobek.



Tanaman nanas di kawasan terbiar di Kolej Vokasional Tangok.

MARDI hasilkan tiga produk inovasi makanan baharu



Che Abdulrah (tengah) memaparkan status perkembangan ke Test Bed Teknologi MARDI Pasir Puteh pada Rabu.

PASIR PUTEH - Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian (MARDI) terus menggorak langkah lebih jauh dengan menghasilkan tiga produk inovasi makanan baharu melibatkan fungsi nilai tambahan yang tinggi.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan II, Datuk Che Abdulhadi Mat Nawi berkata, MARDI tidak pernah jemu menghasilkan teknologi baharu yang boleh digunakan oleh golongan sasaran meliputi petani, peratam, agen pengembangan, usahawan industri kecil dan sederhana serta sektor swasta.

“Tiga produk ini iaitu lof surimi berdagang, burger ikan dan kopi cam-



Che Abdulhadi (dua dari kiri) menunjukkan antara produk inovasi baharu yang dilancarkan di MARDI Pasir Puteh.

dan Industri Makanan, Datuk Haslina Abdul Hamid; Ketua Pengarah MARDI, Datuk Dr Mohamad Roff Mohd Noor dan Pengurus Besar Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA), Nik Roslan Idris.

Mengulas lanjut, Che Abdulhadi berkata, pihaknya juga optimis Test Bed Teknologi yang dibangunkan MARDI dapat membantu golongan sasaran mendapatkan ilmu, teknologi terkini serta khidmat nasihat teknikal secara terus.

“Test Bed Teknologi ini dibangunkan di beberapa lokasi pilihan di seluruh negara mengikut keperluan teknologi tertentu seperti contoh di

Kota Kinabalu fokus pada teknologi hasilan ikan, Seberang Prai fokus pada bakeri dan Johor pula melibatkan kan pes dan sos.

“Untuk Pasir Puteh ini kita akan berikan tumpuan kepada pengkhususan teknologi makanan tradisional dan sejuk beku. Test Bed Pasir Puteh telah lama wujud dan telah lama memberi bimbingan dan latihan kepada golongan an sasar,” katanya.

Test Bed Teknologi ialah makmal pemrosesan makanan yang dilengkapi dengan mesin dan peralatan moden untuk kemudahan pengeluaran berskala kecil bagi jenis produk makanan terpilih.

Headline	Deputy agriculture minister: Need to strengthen the local cattle industry		
MediaTitle	Nanyang Siang Pau		
Date	31 Dec 2020	Color	Full Color
Section	National	Circulation	27,667
Page No	A3	Readership	83,000
Language	Chinese	ArticleSize	492 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 6,189
Frequency	Daily	PR Value	RM 18,566



副农长：减少依赖进口 须加强本地养牛业

(巴西富地 30 日讯) 农业及食品工业部第二副部长拿督仄阿都拉认为，要解决我国对进口肉品的依赖，就必须加强本地牛只饲养业，此举也能阻止来自国外的伪清真肉品进入我国。

无法满足市场需求

他说，目前本地肉类的供应仍然很低，无法满足市场需求，导致本地肉类价格高于进口肉类。

“我们需要从多方面考虑，本地饮食业者对进口肉类的的需求仍然存在，因为成本较低。”

他今日在巴西富地大马农业研究与发展局 (MARDI) 的推介创新食品仪式后，这么说。仪式上，该局推介了种创新食品，分别是鱼藻肉、鱼汉堡和豆蔻咖啡。

他说，本地肉类仍然昂贵，为满足市场的需求，就要加强畜牧业，鼓励更多人加入此行业，以满足肉类需求。

他说，将在明年提早的第 12 大马计划，当中包括加强畜牧业的项目，特别是饲养牛只。



仄阿都拉 (左) 巡视食品的制作过程

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
31/12/2020	HARAKAH DAILY	ONLINE	

MARDI lahir 530 usahawan tani berjaya



PASIR PUTEH: Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) berjaya melahirkan seramai 530 usahawan yang berpendapatan antara RM300,000 hingga RM5 juta setahun.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) II, Dato' Che Abdullah Mat Nawi berkata, 50 peratus mencapai tahap empat dalam pelbagai sektor dengan menghasilkan produk.

Katanya, saban tahun MARDI tidak pernah jemu mencipta teknologi baru yang boleh digunakan golongan sasaran termasuk petani, penternak, usahawan perusahaan kecil dan sederhana (PKS) serta sektor swasta.

"MARDI akan terus berusaha menjalankan penyelidikan untuk melahirkan lebih ramai lagi golongan bumiputera yang berjaya menjadi

jutawan berasaskan bidang pertanian," katanya kepada pemberita pada majlis pelancaran produk inovasi makanan MARDI di Padang Pak Amat dekat sini, hari ini.

Pada majlis berkenaan, beliau merasmikan pelancaran tiga produk hasil inovasi yang dijalankan MARDI antaranya kopi pracampuran dengan ekstrak pegaga, burger ikan dan lof surimi berdaging.

Che Abdullah juga berkata, Kementerian Pertanian memperuntukkan sebanyak RM46 juta bagi melaksanakan usaha penyelidikan tahun ini. - HARAKAHDAILY 30/12/2020



PESAWAH mengadu purata potongan jualan melebihi 30 peratus iaitu hampir sepertiga daripada untung kasar mereka. - UTUSAN/MOHD. ZAID MOHD. NOOR

Pesawah makin resah, gusar

FATIMAH
MOHAMED
ARSHAD



MUSIM demi musim, dari tahun ke tahun, pesawah sering resah dan gusar kerana nilai hasil jualan dipotong tinggi oleh pengilang kerana padi yang tidak bermutu. Potongan tinggi mengurangkan nilai jualan mereka, lantas menjejaskan keuntungan bersih mereka setelah ditolak kos pengeluaran.

Mengikut petani, jeda potongan harga mencapai antara 20 hingga 70 peratus daripada hasil jualan padi. Kini, petani mengadu purata potongan adalah lebih 30 peratus iaitu hampir sepertiga daripada untung kasar mereka.

Walaupun penjenteraan dalam persawahan padi meningkat, tetapi purata potongan adalah lebih 20 peratus berbanding 14 hingga 17 peratus pada 1970-an dan 1980-an. Huraian berikut memberi beberapa pencerahan ke atas gejala ini.

Masalah yang dihadapi petani adalah 'ketepatan' ukuran potongan dan



KUALITI padi dihasilkan pesawah ditentukan oleh pelbagai faktor seperti cuaca, amalan bertani, mesin dan insentif. - UTUSAN/MUHAMMAD SHAHIR NOORDIN

'kejujuran' pengilang dalam meletakkan kadar potongan.

'Ketepatan' kiraan kadar potongan merujuk kepada aspek kualiti padi seperti kandungan kelembapan, padi rosak, padi muda dan kandungan butiran bukan padi. Kerajaan ada menyediakan jadual panduan potongan untuk penggunaan pembeli dan petani.

'Ketepatan' ukuran kualiti adalah isu saintifik. Ketepatan penentuan kualiti

bergantung kepada kaedah pengukuran sama ada menggunakan alat sensor tertentu dan juga secara optikal. Nyata peralatan yang digunakan sekarang tidak begitu meyakinkan kerana ia memberi bacaan berbeza-beza ke atas satu sampel yang sama. Pengilang menggunakan peralatan ini bersama penilaian optikal dan pengalaman.

Masalah 'kewajaran' atau 'kejujuran' kiraan kadar

potongan yang dianggarkan oleh pengilang swasta dan Padiberas Nasional Berhad (Bernas) adalah isu kegusaran petani sekian lama. Petani berpandangan, kebanyakan masa pengilang mengenakan potongan berlebihan daripada yang sepatutnya.

Faktor yang menentukan kualiti padi petani dan anggaran kualiti oleh pembeli adalah berbeza. Kualiti padi petani ditentukan oleh pelbagai dimensi. Pertama,



Lazimnya, kos padi yang tidak bermutu dipindahkan kepada pengguna melalui kegiatan mencampurkan beras hancur dengan beras bermutu untuk mempertahankan margin."

cuaca. Kedua, amalan persawahan. Ketiga, mesin penuaian dan keempat, ketersediaan insentif untuk mengering. Impak faktor cuaca adalah di luar kawalan petani seperti hujan, banjir, kemarau, serangan penyakit dan perosak.

Amalan persawahan merangkumi kualiti benih, pengurusan air, penggunaan baja. Amalan pertanian lapuk menyebabkan tuaian muda, tuaian basah dan pengasingan hampa tidak cekap.

Penggunaan mesin tuai gandum yang sangat besar

ke atas sawah kecil memberi pelbagai kesan. Selain merosakkan tanah, kadar tumpahan atau kehilangan padi sebanyak 20 peratus di sawah. Ini mengurangkan kuantiti jualan padi mereka kepada pengilang. Juga, oleh kerana bilangan mesin tuai terhad, petani terpaksa membayar kepada penyedia khidmat mesin tuai sama ada mengikut berat padi atau mengikut jam. Oleh kerana padi harus dituai dengan cepat, maka petani terdesak menuai padi dalam jangka waktu yang pantas untuk mengelakkan hujan dan penurunan kualiti. Lantas, kegiatan menuai tergesa-gesa ini bukan satu proses yang terancang dan cekap.

TERDESAK

Petani tidak memiliki insentif untuk mengering padi kerana kos mesin pengeringan tinggi dan keterdesakan wang untuk membayar hutang. Peranan Bernas sebagai pembeli terakhir padi yang bermutu rendah adalah polisi yang menggagalkan petani mengabaikan keperluan pengeringan di tahap sawah. Ini kerana Bernas akan membeli padi yang tidak berkualiti pada apa jua tahap. Lazimnya, kos padi yang tidak bermutu dipindahkan kepada pengguna melalui kegiatan mencampurkan beras hancur dengan beras bermutu untuk mempertahankan margin.

Sebaliknya, anggaran kadar potongan padi oleh pengilang bergantung kepada faktor berikut:

Pertama, situasi pasaran beras dan kesannya ke atas margin. Jika inventori beras dalam pasaran adalah tinggi (termasuk beras import, ini akan mengurangkan margin mereka). Dalam situasi sebegini, pengilang akan mengenakan kadar potongan yang tinggi untuk memelihara margin mereka. Ketidaktepatan kaedah mengira kualiti padi hanya memudahkan pengilang untuk memanipulasi kadar potongan.

Kedua, kadar potongan juga ditentukan oleh harga runcit. Semenjak kenaikan Harga Minimum Terjamin (HMT) daripada RM750 kepada RM1,200 setan pada 2014, margin pengilang menguncup kerana harga runcit beras tidak berubah. Iaitu harga cukai jualan dan perkhidmatan (SST) lima peratus adalah RM2.60 sekilogram (sekg.) dan SST 10



WALAU PUN penjenteraan dalam persawahan meningkat tetapi purata potongan jualan padi kini melebihi 20 peratus berbanding 14 hingga 17 peratus pada 1970-an dan 1990-an. - UTUSAN/MOHD. HAFIZ ABD. MUTALIB



Data hanya dikeluarkan apabila petani membuat aduan di media. Data ini perlu dianalisis dari semasa ke semasa dan telus kepada kesemua pihak.”

peratus, RM2.40 sekg. Maka pengilang menggunakan kadar potongan paadi untuk menjaga margin keuntungan mereka. Ambil maklum juga, kenaikan HMT telah menutup kebanyakan kilang kecil beras. Dalam kata ringkas, polisi harga juga menyumbang kepada masalah isu potongan padi ini.

Ketiga, kuasa pasaran pengilang. Berbeza dengan sektor kilang beras pada 1970-an di mana terdapat banyak kilang koperasi kecil (berjumlah hampir 1,000 buah). Sebaliknya, sektor kilang semasa adalah sangat berpusat atau *concentrated* iaitu sekitar 200 kilang, iaitu lazimnya petani tidak memiliki pilihan yang banyak untuk menjual padi. Dengan kuantiti padi yang kecil, petani tidak setaraf dengan

kilang besar untuk berunding atau menentang keputusan mutamad pengilang kerana tiada pilihan lain.

Malangnya, isu dan keresahan penting ini tidak berlapikkan data yang jitu. Tiada rumusan data berterusan mengenai potongan padi bulanan atau tahunan dan trend, ikut kawasan, varieti padi, pengilang swasta dan Bernas. Data hanya dikeluarkan apabila petani membuat aduan di media. Data ini perlu dianalisis dari semasa ke semasa dan telus kepada kesemua pihak termasuk petani, pengilang dan kerajaan untuk mendapat gambaran jelas isu ini dan memantau situasi.

KOPERASI

Bernas yang bertanggungjawab dalam mengagihkan subsidi harga padi kepada petani memiliki data ini. Maka adalah wajar supaya analisis yang dicadangkan di atas dibuat demi ketelusan untuk semua. Jalan penyelesaian terletak kepada perkara berikut:

Pertama, petani perlu digalakkan mengering padi sendiri sama ada menggunakan mesin kering kecil melalu koperasi atau Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK).

Kedua, perkenalkan semula kilang beras kecil

untuk kegunaan petani sama ada secara persendirian atau koperasi, kumpulan petani dan PPK. Ini untuk meningkatkan persaingan dan memberi peluang kepada petani menambahkan pendapatan dalam kegiatan nilai tambah. Apabila persaingan wujud, kadar potongan akan menjadi 'kompetitif' dan tidak mudah dimanipulasikan kerana ramai pesaing. Pada masa sama, lebih ramai pengilang, keuntungan dikongsi oleh ramai peserta dan tidak terbatas kepada pengilang besar sahaja.

Dicadangkan supaya insentif diberi kepada kumpulan untuk membeli mesin pengering kecil dan/atau mesin beras. Insentif dan latihan diberi supaya koperasi petani menjadi lebih efektif untuk menggalakkan petani bersepadu tenaga dan sumber untuk menceburi kegiatan nilai tambah.

Ketiga, dicadangkan supaya mesin tuai padi yang kecil dan sederhana diuji dan digunakan, bukan lagi mesin gandum besar-besar dan usang. Ini akan membolehkan petani merancang dan mengawal kualiti.

Keempat, kawalan kuantiti perlu dipantau supaya tidak menyebabkan lambakan sehingga mendorong pengilang meniggikan potongan kerana beras import lebih murah untuk dibungkus dan dijual.

Keempat, aplikasi *block chain* adalah penyelesaian terbaik untuk mewujudkan ketelusan dan kecekapan sistem. Oleh kerana teknologi ini masih jauh untuk difahami oleh peserta pasaran, dicadangkan supaya satu aplikasi dibina iaitu Aplikasi Potongan Padi untuk merekodkan kadar potongan yang dijangkakan oleh petani, dikira oleh alat pengesan mutu padi dan kadar potongan ditetapkan oleh semua pengilang.

Faedah aplikasi ini adalah:

- i) mengetahui perbezaan anggaran potongan padi oleh petani yang dicaj oleh pengilang.
- ii) meneliti pola dan variasi potongan padi ikut lokasi, masa, varieti padi dan kilang.
- iii) memantau amalan potongan yang tinggi dalam kalangan pengilang. Nyata, isu pemutuan padi bukan bererti menyediakan jadual potongan dan kawalan tetapi melibatkan perubahan struktur seperti keperluan persaingan, memperbaiki amalan persawahan, penggunaan mesin atau jentera yang sesuai dengan saiz sawah dan insentif untuk petani untuk mengering dan mengilang beras.

Profesor Datin Fatimah Mohamed Arshad ialah Ketua Kluster Sekuriti dan Keselamatan Makanan, Akademi Profesor Malaysia (APM).

Pendapatan pesawah terjejas akibat potongan tinggi

KUALA LUMPUR: Pakar akademik bimbang dengan kemerosotan hasil pesawah sehingga 30 peratus pada masa ini berikutan kadar potongan tinggi yang dikenakan oleh pengilang terhadap hasil padi dijual petani.

Potongan melebihi 20 peratus adalah terlalu berlebihan berbanding antara 14 hingga 17 peratus pada 1970-an dan 1980-an, sekali gus tidak memberi pulangan sewajarnya kepada pesawah.

Dapatan itu diperolehi daripada Kajian Impak Subsidi Ke Atas Pengeluaran dan Pendapatan Padi oleh Akademi Profesor Malaysia (APM) di Kawasan Pembangunan Pertanian Bersepadu (IADA) Pulau Pinang dan IADA Barat Laut Selangor pada 2019.

Ketua Kluster Sekuriti dan Keselamatan Makanan APM, Prof. Datin Fatimah Mohamed Arshad berkata, masalah dihadapi petani itu berpunca daripada kaedah 'ketepatan' ukuran yang diguna pakai di samping 'kejuruhan' pengilang sendiri dalam meletakkan kadar potongan.

Katanya, ketidaktepatan kaedah mengira kualiti padi pesawah hanya memudahkan pengilang memanipulasi kadar potongan.

"Masalah 'kewajaran' kiraan kadar potongan yang dianggarkan oleh pengilang swasta dan Padiberas Nasional Berhad (Ber-nas) adalah isu kekusaran petani sejak sekian lama.

"Petani berpandangan, pengilang mengenkakan potongan berlebihan daripada sepatutnya," katanya dalam arukel beliau di ruangan Rencana *Utusan Malay-sia*, hari ini.

Ketepatan kiraan kadar potongan merujuk kepada aspek kualiti padi seperti kandungan kelembapan, padi rosak, padi muda dan kandungan butiran bukan padi.

Kerajaan ada menyediakan jadual panduan potongan untuk penggunaan pembeli dan petani.

Jelas Fatimah, adalah masalah kepada pesawah berikutan kadar potongan yang ditentukan oleh pengilang tidak berpandukan data jitu.



ISU potongan tinggi yang ditetapkan syarikat beras mengurangkan lagi hasil pesawah yang turut menghadapi pelbagai masalah lain seperti angin kencang dan hujan lebat yang merosakkan padi.

Tingkat industri penternakan negara



Normala Sudirman

KUALA LUMPUR: Suara Pengguna Prihatin Malaysia (SPPM) menyuarakan kebimbangan kerajaan untuk membuat langkah yang lebih baik untuk meningkatkan penerbitan daging halal dan meningkatkan daging dan produk yang diimport.

Presidennya, Normala Sudirman berkata, langkah untuk meningkatkan status halal daging import bertepatan dengan isu yang sedang hangat diperkatakan berkaitan kartel daging haram.

Katanya, mutakhir ini masyarakat semakin bimbang untuk menikmati masakan berasaskan daging ekoran isu kartel daging haram yang meresahkan umat Islam di negara ini.

"SPPM mendesak agar langkah penguatkuasaan undang-undang perlu diperketatkan dan pelaksanaan secara telus demi menjamin makanan daging import yang dibekalkan lebih terjamin kebersihan serta patuh syariah,"

katanya di sini.

Baru-baru ini Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), Dato' Seri Dr Zulkifli Mohamad Al-Bakri dilaporkan memberitahu kerajaan akan menambatkan penerbitan halal membabitkan daging dan produk daging yang diimport.

Isu itu timbul ekoran kartel daging haram yang dipercayai beroperasi sejak 40 tahun lalu di Malaysia.

Normala juga berkata, SPPM

menyeru agar rakyat bertenang dan memberi kepercayaan penuh kepada pihak berwajib menjalankan stiasatan dan mengheret mereka yang tidak bertanggungjawab ke muka pengadilan.

Selain itu, pihaknya mencadangkan industri penternakan dipertingkatkan. "Usaha membekalkan makanan 'Halalan Thoyyiba' iaitu halal, bersih dan berkat harus menjadi fokus utama khususnya umat Islam di Malaysia," katanya.

LATAS bantu penternak ikan dalam sangkar

MERBOK: Pengusaha ternakan ikan dalam sangkar di Segantang Garam berkongsi masalah dihadapi mereka dengan Lajnah Asas Tani dan Alam Sekitar (LATAS) PAS Kedah.

Pengerusi LATAS Mejar (B) Zakaria Mansor berkata, pada perjumpaan yang diadakan baru-baru ini mereka untuk mendengar masalah yang dihadapi penternak terbabit.

Kata beliau antara masalah yang dibangkitkan berkenaan bayaran yang dikenakan Jabatan Perhutanan terhadap pengusaha ternakan ikan dalam sangkar.

“Saya berasa agak teruja apabila dibawa melawat ke tempat ternakan ikan dalam sangkar dan dapat me-

lihat sendiri masalah yang mereka hadapi,” katanya di sini.

Justeru itu kata beliau LATAS akan berusaha membantu mempermudah

kesulitan yang dihadapi penternak berkenaan.

Lawatan berkenaan turut disertai ADUN Tanjung Dawai Ustaz Hanif Ghazali dan NGO Jaring.



Lajnah Asas Tani dan Alam Sekitar PAS Kedah meninjau kolam ternakan ikan dalam sangkar di Segantang Garam.